

PENGGUNAAN APLIKASI *TIKTOK* INOVASI DALAM PELAKSANAAN APRESIASI SENI PENDIDIKAN SENI VISUAL

The Use of Innovative TikTok Applications in the Implementation of Educational Art Appreciation Visual Arts

Rahanah Abdul Rahman*, Mohammad Puad Bebit, Norhayati Ayob
Academy of Creative Arts and Technology, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah,
Malaysia

rahanahabdulrahman@gmail.com, sifuart@ums.edu.my, n_hayati@ums.edu.my

Published: 26 July 2023

To cite this article (APA): Abdul Rahman, R., Bebit, M. P., & Ayob, N. The Use of Innovative TikTok Applications in the Implementation of Educational Art Appreciation Visual Arts: Penggunaan Aplikasi TikTok Inovasi dalam Pelaksanaan Apresiasi Seni Pendidikan Seni Visual. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 1–13. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.1.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.1.2023>

ABSTRAK

Penggunaan aplikasi *TikTok* rangkaian media sosial mendapat sambutan hangat dan semakin meluas mengatasi aplikasi rangkaian sosial lain. Pelajar lebih suka melayari internet dan kurang berminat dalam pengajaran konvesional. Kajian ini bertujuan untuk meneroka cara penggunaan serta menganalisis aplikasi *TikTok* sebagai inovasi dalam pelaksanaan Apresiasi Seni. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian campuran kuantitatif dan kualitatif. Data kajian dipersembahkan secara deskriptif. Pengkaji menggunakan satu set soal selidik, pemerhatian dan rubrik penguasaan apresiasi seni untuk menganalisis. Responden kajian melibatkan 40 orang pelajar tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Petra Jaya. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan *TikTok* memberi impak yang positif dalam pelaksanaan Apresiasi Seni dan dapatan juga mendapati aplikasi *TikTok* sesuai digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Justeru dapatan kajian juga mencadangkan penggunaan *TikTok* boleh dilaksanakan di dalam kelas yang melibatkan guru dan pelajar bagi membantu meningkatkan pemahaman, pengalaman, dan keterlibatan pelajar dalam apresiasi seni dalam konteks Pendidikan Seni Visual.

Kata Kunci: Inovasi, *TikTok*, Apresiasi Seni

ABSTRACT

TikTok, a social media platform, has been well-received and is rapidly gaining popularity, superseding other social networking applications. This study seeks to investigate and analysis TikTok as an innovation in Art Appreciation implementation. Combining quantitative and qualitative methodologies, the research design employs a mixed-methods approach. The data from the investigation are presented descriptively. For purposes of analysis, the researcher employs a series of questionnaires, observations, and a rubric to evaluate art appreciation skills. Form three pupils at Petra Jaya National Secondary School account for forty of the study's respondents. The findings indicate that the implementation of Art Appreciation is enhanced by the use of TikTok. The results also indicate that TikTok is appropriate for incorporation into educational settings. Therefore, the study recommends the implementation of TikTok in classrooms, involving both instructors and students, in order to improve students' knowledge, experience, and engagement in art appreciation within the context of Visual Arts Education.

Keywords: Innovation, *TikTok*, Art Appreciation

PENGENALAN

Era teknologi telah memberi kesan dalam dunia pendidikan. Kemajuan teknologi seperti internet, peranti mudah alih, dan pelbagai perisian pendidikan telah membuka peluang baru untuk mengembangkan kaedah pembelajaran yang lebih cekap, berkesan, dan menarik. Integrasi teknologi dalam pendidikan membantu memudahkan akses kepada maklumat, kolaborasi, dan komunikasi antara pelajar dan guru, serta membolehkan personaliti dan fleksibiliti dalam proses pembelajaran.

Pendidikan dalam talian dengan menggunakan media sosial seperti *TikTok* dikatakan bahan bantu mengajar yang lebih menarik dan berkesan (Zaki et al., 2021). *TikTok*, yang dikenali sebagai platform video pendek, kini menjadi saluran yang senang dan mudah digunakan untuk menyebarkan maklumat pendidikan yang padat dan menarik. Para guru, pendidik, dan ahli dalam pelbagai disiplin ilmu berpeluang untuk berkongsi pengetahuan, petua, dan arahan melalui video pendek yang mudah dilihat dan difahami oleh pelajar.

Media Sosial *TikTok*

Menurut Fatin Adriani (2021) media sosial telah menjadi medium komunikasi utama pada masa kini. Rangkaian sosial kini bukan sahaja berperanan berhibur semata-mata namun ia banyak fungsi dan peranannya yang tiada had. Selain itu, teknologi web 2.0 telah mengubah cara penggunaan internet dan menawarkan pelbagai kemungkinan yang boleh diteroka melalui rangkaian sosial tersebut.

Seiring dengan pendidikan abad ke-21, guru seharusnya sentiasa bersedia dengan sebarang perubahan berlaku dalam dunia pendidikan bagi memastikan kualiti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Seiring dengan berkembangnya teknologi, kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu diinovasi mengikut trend terkini supaya pelajar memberi tindak balas terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (Fatin Adriani, 2021).

TikTok awalnya dicipta sebagai platform media sosial yang kini mendominasi dunia digital. *TikTok* diperkenalkan pada tahun 2016 oleh syarikat teknologi China, ByteDance. Sejak kewujudan aplikasi ini, *TikTok* telah merevolusikan cara individu berinteraksi, mengakses maklumat dan mengekspresikan diri, menjadikan rangkaian media sosial paling popular di seluruh dunia, terutamanya generasi muda.

TikTok telah membuktikan peningkatan ketara dalam penggunaannya oleh golongan muda dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk mendapatkan populariti dan mengisi masa terluang (Jia Hao et al., 2022). Pengkaji lepas mendapati penggunaan aplikasi *TikTok* ini merupakan aplikasi paling popular di Malaysia (Rosli et al., 2022).

Menurut Bahtar & Muda (2016) kandungan tersebut lazimnya dikongsi di platform media sosial seperti aplikasi *Facebook*, *YouTube*, *Twitter*, dan *Instagram*. *TikTok* juga ialah aplikasi mesra pengguna dan ia sesuai untuk semua peringkat umur. Tambahan beliau lagi berpendapat *TikTok* mampu mencungkil bakat golongan muda serta berinteraksi dengan orang lain. Secara tidak langsung ia boleh membantu meningkatkan keyakinan terhadap pengguna *TikTok* dan dapat meluaskan kemahiran sosial mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Apresiasi seni merupakan kandungan pembelajaran dalam subjek Pendidikan Seni Visual dan ia juga terangkum sebagai salah satu standard kandungan dalam kurikulum PSV terkini iaitu KSSM. Pelaksanaan Apresiasi Seni dalam keadaan sebenar pelaksanaan tersebut masih hambar dan kurang perhatian oleh guru dan pelajar. Hal ini terjadi kerana guru lebih berfokus kepada penghasilan karya (Norsalawati, 2021).

Kekangan masa juga merupakan salah satu pelaksanaan Apresiasi Seni diabaikan. Hal ini kerana tempoh masa penghasilan seni tidak seimbang dan menjelas kualiti pelaksanaan Apresiasi Seni. Hal ini memberi kesan terhadap karya akhir dilaksanakan tidak dihayati dengan baik seiring dengan objektif Pendidikan Seni Visual.

Berdasarkan kepada tinjauan pengkaji, ada juga kalangan guru bersikap tidak mengambil berat dan menganggap bidang apresiasi tidak penting membuatkan perkara ini sering diabaikan di sekolah. Kesan daripada keadaan tersebut, pengetahuan pelajar akan kurang dalam Apresiasi Seni.

Bertitik tolak daripada keadaan tersebut, pelajar zaman sekarang lebih suka melayari internet dan kurang berminat dengan teknik pengajaran konvensional. Pelajar zaman era teknologi lebih berminat sesuatu keunikan seiring dengan perubahan zaman. Berdasarkan keadaan tersebut timbul keinginan pengkaji untuk mengetahui dengan lebih lanjut aplikasi yang sering dilayari oleh pelajar dalam dan pengkaji cuba jadikan satu inovasi berkaitan dengan pelaksanaan Apresiasi Seni.

Seterusnya berdasarkan kepada tinjauan literatur, dapatan kajian lalu telah mendedahkan tentang amalan penggunaan media sosial dalam pengajaran. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa kurang kajian dilakukan terhadap penggunaan aplikasi *TikTok* digunakan medium pengajaran dan pembelajaran.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti cara pelaksanaan Apresiasi Seni menggunakan aplikasi *TikTok*.
2. Mengklasifikasikan item kandungan apresiasi seni di akaun *TikTok* pelajar.
3. Menganalisis kandungan Apresiasi Seni pelajar di aplikasi *TikTok*.

PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah cara pelaksanaan Apresiasi Seni menggunakan aplikasi *TikTok*?
2. Apakah item kandungan apresiasi seni di akaun *TikTok* pelajar?
3. Apakah kandungan Apresiasi Seni pelajar di aplikasi *TikTok*?

LITERATUR KAJIAN

Dalam laporan MISCO (2023) melaporkan pengguna internet dalam Malta telah semakin meningkat dari pelbagai peringkat umur iaitu mencapai 91.5% penggunaan pada tahun 2022. Laporan ini juga menunjukkan penggunaan *TikTok* antara rangkaian sosial yang popular penggunaannya oleh golongan muda berusia 30 tahun ke bawah.

Azwana (2022) dalam kajian lepas mendapati aplikasi *TikTok* sesuai digunakan dalam pengajaran Sains Tingkatan 3. Di mana hasil kajian tersebut dapat meningkatkan prestasi dan minat pelajar tajuk yang diajar. Dalam kajian tersebut aplikasi *TikTok* dijadikan sebagai didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran. Kesan penggunaan *TikTok* dalam pengajaran tersebut juga menunjukkan pelajar boleh menjawab soalan dengan baik. Selari dengan kajian Jamil & Talib (2022) pembelajaran menggunakan aplikasi *TikTok* amat berkesan untuk meningkatkan kemahiran keyakinan diri.

Kajian Jamil & Talib (2022) *TikTok* menggalakkan motivasi pelajar, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik, dan menggalakkan pembangunan kemahiran kreatif dan rasa ingin tahu. Disokong dengan dapatan kajian Kirin & Warman (2023), pelajar juga harus menjaga adab dan perilaku yang baik ketika memberikan komen pada video. Mereka juga harus mengajak pengguna lain untuk terlibat dalam perkara yang positif melalui video yang dimuat naik dalam aplikasi *TikTok*.

Kajian daripada penyelidik pendidikan dari luar negara (Wright, 2021) menjelaskan *TikTok* dijadikan saluran yang penting bagi remaja bukan sahaja medium untuk mereka mengekspresikan idea dan pandangan tentang persekolahan tetapi ia juga mempengaruhi pembentukan identiti mereka. Penjelasan tersebut disokong oleh kajian yang jalankan oleh Escamilla-Fajardo et al., (2021) aplikasi *TikTok* sesuai diajadikan alat pengajaran dan pembelajaran kerana ia sesuai dengan kandungan ekspresif dan kreatif melalui muzik dan pergerakan.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah campuran atau ‘mix-metode’ dalam mengkaji cara pelaksanaan dan keberkesanan menggunakan aplikasi *TikTok* dalam pelaksanaan Apresiasi Seni. Reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen dan pemerhatian digunakan bagi reka bentuk kualitatif.

Populasi kajian ini melibatkan 40 orang pelajar tingkatan tiga. Pelajar yang terlibat salah sebuah sekolah di Sekolah Menengah Petra Jaya di bawah tadbir PPD Kuching. Pemilihan lokasi ialah sekolah yang berada dalam bandar dan kawasan yang menyokong rangkaian internet yang stabil.

Soal selidik

Pengkaji telah menyediakan satu set soal selidik berbentuk struktur iaitu jenis tertutup. Item dibina adalah untuk menjawab soalan kajian berkaitan dengan cara pelaksanaan Apresiasi Seni.

Pemerhatian

Menurut Othman Lebar (2014), pemerhatian merupakan satu proses di mana pengkaji melihat sesuatu perkara secara langsung dan menggunakan pengetahuan, kemahiran serta pengalamannya untuk membuat interpretasi terhadap apa yang telah diperhatikan.

Bagi tujuan pemerhatian, ia dijalankan semasa menonton video pelajar dalam *TikTok* dalam melaksanakan Apresiasi Seni. Pemerhatian dilaksanakan secara berstruktur dengan menggunakan senarai semak.

Selain itu, pemerhatian juga dilakukan bagi tujuan menganalisis kandungan yang terdapat dalam video yang dihasilkan oleh pelajar dengan berpandukan rubrik penguasaan apresiasi pengkaji lepas oleh Norsalawati (2021).

Responden Kajian

Responden terdiri daripada 40 orang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Petra Jaya. Pemilihan responden dilakukan secara rawak dari kelas yang berbeza. Secara khususnya responden yang terlibat merupakan pelajar Tingkatan Tiga yang ada mempunyai telefon bimbit sendiri dan kerap mengakses internet.


Jadual 1 Maklumat Responden

| | Aspek | Peratus (%) |
|--------------------------------|---------------------------------|--------------------|
| Jantina | Lelaki | 45 |
| | Perempuan | 55 |
| Kekerapan Menggunakan Internet | Setiap hari | 100 |
| | Beberapa kali seminggu | 0 |
| | Sekali seminggu | 0 |
| | Jarang sekali atau tidak pernah | 0 |
| Mempunyai akaun <i>TikTok</i> | Ya | 100 |
| | Tidak | |

Jadual 1 menunjukkan maklumat responden dari segi peratusan jantina, kekerapan menggunakan internet dan mempunyai akaun *TikTok*. 45% responden ialah lelaki manakala perempuan 55%. Kesemua responden merupakan pengguna internet tegar dan semua responden mempunyai akaun *TikTok* yang aktif.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

1. Bagaimanakah cara pelaksanaan Apresiasi Seni menggunakan aplikasi *TikTok*?




Rajah 1 (Soalan 1) Bagaimanakah anda mencari karya yang ingin anda laksanakan Apresiasi Seni dalam aplikasi *TikTok*?

Berdasarkan hasil dapatan, terdapat beberapa cara yang digunakan oleh responden untuk mencari karya seni yang ingin mereka laksanakan Apresiasi Seni dalam aplikasi *TikTok*. Sebahagian besar responden iaitu 62.5% menggunakan cara mencari berdasarkan hashtag yang berkaitan. Dengan mencari dan meneroka hashtag yang relevan, mereka dapat menemui karya seni yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka.

Selain itu, 25% responden memilih untuk mengikuti akaun pengguna seniman terkenal di *TikTok*. Dengan mengikuti akaun-akaun tersebut, mereka memperoleh akses kepada karya seni yang dikongsi oleh seniman-seniman terkenal tersebut. Sejumlah kecil responden sebanyak 7.5% mencari karya seni dengan melihat seni yang direkomendasikan oleh *TikTok*. *TikTok* menggunakan algoritma untuk merekomendasikan kandungan kepada pengguna berdasarkan minat dan interaksi sebelumnya.

Oleh itu, apabila responden sering menonton atau memberikan respons positif terhadap karya seni di *TikTok*, platform ini mungkin akan mengesyorkan lebih banyak kandungan seni kepada mereka. Walau bagaimanapun, terdapat juga sejumlah kecil responden iaitu 5% yang tidak tahu atau tidak pernah mencari karya seni di *TikTok*. Ini mungkin menunjukkan kurangnya pengetahuan atau minat mereka dalam mencari karya seni di platform tersebut.

Kesimpulannya, responden menggunakan cara-cara seperti mencari hashtag, mengikuti akaun pengguna seniman terkenal, melihat rekomendasi *TikTok*, atau tidak mencari karya seni sama sekali dalam menjalankan Apresiasi Seni di *TikTok*.



Rajah 2 (Soalan 2) Bagaimanakah anda melaksanakan Apresiasi Seni dalam video *TikTok* anda?


Berdasarkan dapatan dalam melaksanakan apresiasi dalam video *TikTok*, responden menggunakan beberapa strategi. 32.5% responden menggunakan muzik yang sesuai sebagai sebahagian daripada video mereka. Mereka memilih muzik yang dapat meningkatkan suasana dan kesan keseluruhan dalam menyampaikan apresiasi terhadap seni yang ditampilkan.

Seterusnya, sebanyak 47.5% responden menggunakan kesan visual kreatif dalam video mereka. Mereka menciptakan penampilan visual yang menarik dan inovatif dengan menggunakan teknik penyuntingan yang kreatif, pencahayaan yang menarik, atau susunan kamera yang unik.

Selain itu, 12.5% responden memberikan penjelasan mengenai seni yang ditampilkan melalui keterangan teks atau suara latar. Hal ini membantu penonton memahami konteks, makna, atau aspek teknik yang terkait dengan karya seni tersebut.

Akhir sekali, sebanyak 7.5% responden menggunakan gerakan tangan atau bahasa tubuh dalam video mereka. Gerakan tangan atau bahasa tubuh digunakan untuk menekankan aspek penting dalam apresiasi seni yang ditampilkan.

Kesimpulannya, dalam melaksanakan apresiasi dalam video *TikTok*, responden menggunakan strategi seperti penggunaan muzik yang sesuai, kesan visual kreatif, penjelasan melalui keterangan teks atau suara latar, serta penggunaan gerakan tangan atau bahasa tubuh untuk meningkatkan pengalaman apresiasi seni dalam video mereka.



Rajah 3 (Soalan 3) Bagaimanakah anda berinteraksi dengan penonton dalam video Apresiasi Seni *TikTok* anda?


Dapatkan kajian ini mendapati sebanyak 30% responden mengajak penonton untuk memberikan komen atau pendapat. Ini menunjukkan mempunyai interaksi dua hala dengan penonton, meminta mereka mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan tentang karya seni yang dihargai.

Sebanyak 25% responden menggunakan koleksi suara dalam video. Penggunaan suara dalam video memberikan dimensi tambahan yang dapat meningkatkan interaksi dengan penonton. Ini melibatkan penggunaan penceritaan, dialog atau elemen audio lain untuk menerangkan atau menyampaikan penghargaan terhadap karya seni.

Seterusnya sebanyak 32.5% responden membuat cabaran atau pertandingan berdasarkan seni. Ini menggambarkan usaha responden menggalakkan penglibatan aktif penonton dalam mencipta karya seni sendiri atau menyertai pertandingan yang melibatkan apresiasi seni. Ini boleh meningkatkan interaksi dan penglibatan khalayak.

Namun, sebanyak 12.5% responden tidak berinteraksi dengan penonton dalam video Apresiasi Seni di *TikTok*. Ini menunjukkan terdapat sebilangan responden yang lebih menumpukan kepada persembahan atau demonstrasi karya seni tanpa mengutamakan interaksi secara langsung dengan penonton.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan penulis cuba berinteraksi dengan penonton dalam video Apresiasi Seni *TikTok* mereka. Sama ada melalui jemputan memberi komen, menggunakan koleksi bunyi, mahupun melalui cabaran atau pertandingan seni, penulis cuba melibatkan penonton secara aktif dalam proses apresiasi seni.



Rajah 4 (Soalan 4) Apakah kepuasan yang anda peroleh selepas melaksanakan Apresiasi Seni melalui aplikasi *TikTok*?

Berdasarkan dapatkan Rajah 4, sebahagian besar responden 75% merasakan kepuasan selepas melaksanakan Apresiasi Seni melalui aplikasi *TikTok* kerana ia meningkatkan pengetahuan mereka tentang seni. Ini menunjukkan bahawa pengalaman tersebut memberikan manfaat dalam memperluas pemahaman dan pengetahuan mereka tentang seni.


Selain itu, sebahagian kecil responden sebanyak 12.5% merasakan kepuasan dalam menyampaikan apresiasi kepada seniman melalui platform tersebut. Mereka menggunakan *TikTok* sebagai saluran untuk menghargai dan memberikan sokongan kepada seniman yang mereka sukai.

Sebahagian kecil lagi responden iaitu 7.5% juga merasakan kepuasan dengan mendapatkan reaksi positif daripada penonton terhadap video Apresiasi Seni yang dikongsi. Respons positif tersebut mungkin memberikan motivasi dan kepuasan emosi dalam meneruskan aktiviti Apresiasi Seni di *TikTok*.

Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian kecil responden (5%) yang tidak merasakan kepuasan khusus selepas melaksanakan Apresiasi Seni melalui aplikasi tersebut. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, seperti kurangnya keterlibatan atau minat yang rendah terhadap Apresiasi Seni di *TikTok*.

Oleh itu, kesimpulan daripada dapatkan ini adalah sebahagian besar responden merasakan kepuasan dengan meningkatkan pengetahuan tentang seni melalui *TikTok*, manakala sebahagian kecil responden merasakan kepuasan dalam menyampaikan apresiasi kepada seniman dan mendapatkan


reaksi positif daripada penonton. Namun, terdapat juga responden yang tidak merasakan kepuasan khusus, mungkin disebabkan oleh faktor peribadi atau keutamaan yang berbeza.



Rajah 5 (Soalan 5) Apakah bidang seni yang paling menarik bagi anda dalam melaksanakan Apresiasi Seni di *TikTok*?

Berdasarkan dapatan tersebut, bidang seni yang paling menarik bagi responden dalam melaksanakan Apresiasi Seni di *TikTok* adalah Komunikasi Visual, dengan 52.5% responden menyatakan minat dalam bidang tersebut. Bidang Reka bentuk juga menarik perhatian sejumlah 27.5% responden, sementara Seni Kraf mendapatkan minat sebanyak 15% responden. Namun, tidak ada responden yang menyatakan minat dalam bidang Sejarah (0%), dan hanya sejumlah kecil responden (5%) yang tertarik pada Seni Halus.

Dengan demikian, kesimpulan dari dapatan ini adalah Komunikasi Visual menjadi bidang seni yang paling menarik bagi responden dalam melaksanakan apresiasi di *TikTok*, diikuti oleh Reka bentuk dan Seni Kraf, sementara Seni Halus dan Sejarah memiliki minat yang lebih rendah.




Rajah 6: (Soalan 6) Bagaimanakah anda mempromosikan video Apresiasi Seni *TikTok* anda di platform media sosial lainnya?

Berdasarkan hasil dapatan, responden menggunakan beberapa strategi untuk mempromosikan video Apresiasi Seni *TikTok* mereka di platform media sosial lainnya. Sebanyak 37.5% responden memilih untuk memuat naik video Apresiasi Seni *TikTok* mereka secara langsung pada platform rangkaian media sosial lain. Hal ini memberi mereka kesempatan untuk menjangkau penonton yang lebih luas di luar *TikTok*.

Sementara itu, juga sebanyak 37.5% responden memilih untuk berkongsi pautan video *TikTok* mereka di platform lain. Dengan berkongsi pautan tersebut, mereka dapat meminta pengguna platform lain untuk menonton dan mengapresiasi video mereka di *TikTok*. Sejumlah kecil responden (7.5%)

menggunakan ciri kerjasama dengan pengguna lain di *TikTok* untuk mempromosikan video Apresiasi Seni mereka. Ini dapat melibatkan kolaborasi dengan seniman atau pengguna *TikTok* lain untuk membuat video bersama atau saling mempromosikan kandungan.

Namun, sebanyak 17.5% responden menyatakan bahwa mereka tidak mempromosikan video Apresiasi Seni *TikTok* mereka di platform media sosial lainnya. Hal demikian, kesimpulan daripada dapatan ini adalah bahwa responden menggunakan pelbagai strategi, seperti memuat naik secara langsung, berkongsi pautan, atau ciri kerjasama di *TikTok*, untuk mempromosikan video Apresiasi Seni mereka di platform media sosial lainnya.



Rajah 7 (Soalan 7) Apakah kekangan utama yang anda hadapi dalam melaksanakan Apresiasi Seni melalui aplikasi *TikTok*?

Berdasarkan dapatan tersebut, terdapat beberapa kekangan utama yang responden hadapi dalam melaksanakan Apresiasi Seni melalui aplikasi *TikTok*. Sebahagian besar responden (52.5%) menghadapi kekangan berkaitan dengan tempoh video yang terhad. Mereka mungkin merasa kesulitan untuk menyampaikan apresiasi terhadap seni dalam jangka masa yang terbatas di *TikTok*.

Selain itu, sebanyak 22.5% responden mengalami kesukaran dalam mencari kandungan seni yang berkualiti. Mereka mungkin menghadapi cabaran dalam menemukan karya seni yang memenuhi standard dan layak untuk diapresiasi di platform tersebut. Sejumlah 7.5% responden menghadapi kekangan yang berkaitan dengan ciri terhad atau kesan visual yang tersedia di *TikTok*. Hal ini dapat membatasi kemampuan mereka untuk mencipta karya visual yang kreatif dalam video Apresiasi Seni.

Seterusnya, sebanyak 17.5% responden merasakan kurangnya interaksi dan tindak balas daripada penonton sebagai kekangan utama. Mereka mungkin mengharapkan lebih banyak interaksi, komen, atau sokongan daripada penonton untuk memperkuuh pengalaman apresiasi seni mereka di *TikTok*.

Oleh itu, kesimpulan dari dapatan ini adalah kekangan utama yang responden hadapi dalam melaksanakan Apresiasi Seni melalui aplikasi *TikTok* adalah tempoh video yang terhad, kesukaran mencari kandungan seni berkualiti, ciri terhad atau kesan visual yang tersedia, serta kurangnya interaksi dan tindak balas daripada penonton.

2. Apakah item kandungan Apresiasi Seni di akaun *TikTok* pelajar?

| Bil | Item | Peratus (%) |
|-----|---|-------------|
| 1. | Video yang menunjukkan seni visual, seperti lukisan, gambar, atau ilustrasi. | 17.5 |
| 2. | Video yang menunjukkan seni kraf, seperti kraf, tenunan atau mengait | 7.5 |
| | Video yang mempersembahkan seni persembahan, seperti tarian, teater atau muzik. | 2.5 |
| 3. | | |
| 4. | Video yang mempamerkan seni halus | 10 |
| 5. | Video yang memberikan ulasan atau penjelasan tentang karya seni tertentu. | 17.5 |
| 6. | Video yang mempromosikan acara atau pameran seni. | 2.5 |
| 7. | Video yang memaparkan seni digital, seperti animasi atau reka bentuk grafik | 22.5 |
| 8. | Video yang menunjukkan proses kreatif dalam mencipta karya seni. | 20 |
| 9. | Video yang memperkenalkan artis atau pengarang terkenal dalam bidang seni. | 0 |
| | Video yang menunjukkan interaksi atau perbualan tentang seni dengan komuniti | 0 |
| 10. | <i>TikTok</i> | |

Berdasarkan dapatan daripada senarai semak dengan menggunakan kaedah pemerhatian, terdapat beberapa item kandungan apresiasi seni yang boleh didapati di akaun *TikTok* pelajar. Item pertama ialah video yang menunjukkan seni visual seperti lukisan, lukisan atau ilustrasi, sebanyak 17.5%. Ini menunjukkan beberapa video dimuat naik oleh pelajar untuk menghayati seni visual dalam bentuk lukisan, lukisan atau ilustrasi.

Seterusnya, terdapat video yang memaparkan seni kraf seperti kraf, anyaman atau tenunan, dengan jumlah 7.5%. Ini menunjukkan bahawa pelajar juga memuat naik video yang menunjukkan kecekapan dalam membuat dan menghargai karya seni yang berkaitan dengan kraf, anyaman atau mengait.

Video yang mempersembahkan seni persembahan seperti tarian, teater atau muzik hanya mempunyai peratusan 2.5%. Ini menunjukkan bahawa dalam akaun *TikTok* pelajar, bilangan video yang menampilkan seni persembahan adalah agak kurang.

Terdapat sebanyak 10% video yang menampilkan seni halus ditemui. Ini menunjukkan bahawa dalam konteks apresiasi seni pada akaun *TikTok* pelajar, seni halus juga menjadi tumpuan untuk pelajar berminat untuk membuat apresiasi seni.

Seterusnya, terdapat video yang memberikan ulasan atau penjelasan tentang karya seni tertentu, dengan jumlah sebanyak 17.5%. Ini menunjukkan bahawa responden juga mengambil inisiatif untuk memberikan ulasan atau penerangan tentang hasil seni yang dihayati, dengan tujuan untuk berkongsi kefahaman dan pengetahuan dengan penonton mereka.

Video yang mempromosikan acara seni atau pameran mempunyai jumlah sebanyak 2.5%. Ini menunjukkan bahawa sesetengah responden turut menggunakan platform *TikTok* untuk mempromosikan acara atau pameran seni yang sedang berlangsung, sekali gus memberikan maklumat kepada penonton tentang aktiviti seni yang sedang dijalankan.

Video yang mempersembahkan seni digital seperti animasi atau reka bentuk grafik mempunyai peratusan tertinggi iaitu 22.5%. Ini menunjukkan bahawa responden cenderung menggunakan medium digital untuk mengekspresikan karya seni mereka, seperti animasi atau reka bentuk grafik.

Terdapat video yang menunjukkan proses kreatif dalam mencipta karya seni, dengan peratusan 20%. Ini menunjukkan bahawa responden juga memuat naik video yang menunjukkan langkah-langkah dalam proses kreatif mereka, sekali gus memberikan pandangan kepada penonton berkaitan penghasilan karya seni.

Tiada satu video pun yang dijumpai berkaitan memperkenalkan artis atau pengarang terkenal dalam seni. Ini menunjukkan memperkenalkan artis atau pengarang terkenal bukan menjadi pilihan responden dalam melaksanakan apresiasi seni dengan menggunakan akaun *TikTok*.


Hal demikian juga sama menunjukkan tiada satu pun video yang menunjukkan interaksi atau perbualan tentang seni dengan komuniti *TikTok*. Ini menunjukkan bahawa dalam kandungan apresiasi

seni pada akaun *TikTok* responden, interaksi dan perbualan tentang seni dengan masyarakat bukanlah fokus utama dalam video yang dimuat naik.

Secara keseluruhan, dapatan ini menggambarkan kepelbagaiannya item kandungan apresiasi seni yang dimuat naik oleh responden pada akaun *TikTok* mereka. Terdapat pelbagai penekanan pada jenis seni, seperti seni visual, seni kraf, seni halus, ulasan seni, seni digital, dan proses kreatif mencipta seni. Seni visual dan seni digital menjadi tumpuan utama dengan peratusan yang ketara. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa tiada satu pun video yang menampilkan interaksi atau sembang tentang seni dengan komuniti *TikTok* dalam hasil carian ini. Ini menunjukkan potensi untuk meningkatkan lagi interaksi dan perbincangan tentang seni dalam konteks platform *TikTok*, terutamanya dalam kalangan responden.

Kesimpulannya dengan hasil pemerhatian pengkaji tentang item kandungan apresiasi seni yang terdapat dalam akaun *TikTok* responden, ia dapat memberikan pandangan berharga dalam memahami cara pelajar menghargai dan berkongsi seni melalui platform ini.

3. Apakah kandungan Apresiasi Seni pelajar di aplikasi *TikTok*?



Rajah 8 Kandungan Apresiasi Seni pelajar di aplikasi *TikTok*

Berdasarkan Rajah 8 merupakan hasil dapatan kajian dalam menganalisis dan menilai kemahiran pelajar serta menghuraikan dan menginterpretasikan karya seni visual melalui video di *TikTok*. Terdapat empat aspek utama yang dinilai iaitu deskripsi, analisis, interpretasi, dan penilaian. Item dalam senarai semak ini memberikan panduan tentang perkara yang perlu dicari dalam video apresiasi seni pelajar di *TikTok*, termasuk penggunaan bahasa seni visual yang betul, pemahaman elemen dan prinsip reka bentuk, tafsiran koheren, dan penilaian emosi dan justifikasi yang berkaitan dengan karya.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan secara menyeluruh tentang kandungan Apresiasi Seni yang dihasilkan oleh pelajar di aplikasi *TikTok*. Dalam peringkat penguasaan deskripsi, terdapat 32.5% pelajar yang diberi penilaian sangat menguasai. Ini menunjukkan bahawa sejumlah pelajar mempunyai kemahiran yang sangat baik dalam menghasilkan kandungan Apresiasi Seni dan mampu memberikan penerangan yang terperinci tentang seni yang mereka apresiasi.

Dalam peringkat penguasaan analisis, sebanyak 45% pelajar yang diberi penilaian sangat menguasai boleh mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur seni yang terdapat dalam karya dengan baik. Mereka dapat memahami secara mendalam bagaimana hasil karya itu dihasilkan dan bertindak balas dengan berkesan.

Pada peringkat penguasaannya interpretasi pula, terdapat 32.5% pelajar yang diberi penilaian sangat menguasai dan mampu memberikan interpretasi yang koheren dan menyeluruh terhadap karya seni. Mereka dapat mengolah idea dengan baik dan menyampaikan pemikiran yang logik dan berkaitan dengan karya seni yang mereka apresiasi.

Dalam aspek penilaian, terdapat 22.5% pelajar yang diberi penilaian sangat menguasai dalam memberikan penilaian mereka sendiri mengenai emosi yang dirasakan terhadap karya. Mereka mungkin membincangkan secara terperinci pertimbangan mereka sendiri dan memberikan hujah yang kukuh untuk menyokong mereka.

Selain itu, terdapat 60% responden yang diberi penilaian menguasai dengan baik dalam pelbagai aspek penilaian. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai kemahiran yang baik dalam menghasilkan kandungan Apresiasi Seni di *TikTok*, walaupun tidak mencapai tahap kecemerlangan yang sangat menguasai.

Terdapat juga sebilangan responden sebanyak 7.5% yang diberi penilaian kurang menguasai dalam aspek deskripsi, analisis, interpretasi, dan penilaian. Ini menunjukkan bahawa mereka perlu meningkatkan pemahaman, kemahiran, dan kecekapan mereka dalam menghasilkan kandungan Apresiasi Seni yang lebih baik dan mendalam di *TikTok*.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mencadangkan keperluan untuk mempertimbangkan penggunaan teknologi dan media sosial dalam pelaksanaan apresiasi seni. Dalam pengajaran kurikulum mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, adalah penting untuk memasukkan aplikasi dan platform digital yang relevan untuk memudahkan pemahaman dan ekspresi seni yang berkesan. Dengan memahami cara apresiasi seni berfungsi menggunakan aplikasi *TikTok*, guru Pendidikan Seni Visual boleh menggunakan pendekatan inklusif yang merangkumi elemen digital yang berkaitan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran.

Sebagai tambahan, dengan mengambil kira kandungan dan format popular di platform media sosial seperti *TikTok*, guru Pendidikan Seni Visual boleh mengaitkan kandungan yang dipelajari dalam kurikulum dengan minat dan pengalaman pelajar, sekali gus memperluaskan pembelajaran dan menyediakan konteks yang lebih penting.

Selain itu juga, penggunaan aplikasi *TikTok* turut memberi peluang kepada pelajar melibatkan diri dalam proses mencipta dan berkongsi kandungan karya mereka, yang boleh meningkatkan kreativiti dan kemahiran sosial dalam konteks seni visual.

Kesimpulannya, implikasi dapatan kajian ini menekankan keperluan mempertimbangkan penggunaan aplikasi *TikTok* dalam pembelajaran apresiasi seni, membangunkan kurikulum yang relevan dengan minat dan trend kandungan pelajar di media sosial, meningkatkan literasi digital dan media untuk pelajar dan guru Pendidikan Seni Visual, dan memperkasakan pelajar dalam mencipta dan berkongsi karya seni mereka melalui platform media sosial. Dengan mengambil kira implikasi tersebut, diharapkan pengajaran dan pembelajaran seni visual akan menjadi lebih dinamik, relevan dan memberi inspirasi kepada pelajar.

CADANGAN KAJIAN

Cadangan kajian yang sesuai bagi pengkaji lain yang akan datang adalah untuk menjalankan kajian yang komprehensif tentang pengaruh penggunaan aplikasi *TikTok* dalam meningkatkan pemahaman, pengalaman, dan keterlibatan pelajar dalam apresiasi seni dalam konteks pendidikan seni visual.

Menjalankan kajian untuk mendapatkan perspektif mendalam tentang pengalaman pelajar dan guru dalam menggunakan aplikasi *TikTok* untuk apresiasi seni. Ini boleh dijalankan dengan kaedah temu bual yang mendalam dengan pelajar dan guru, pemerhatian dalam kelas, dan analisis kandungan video yang terhasil.

Selain itu, kajian juga boleh dilaksanakan untuk mengukur keberkesanannya penggunaan aplikasi *TikTok* dalam meningkatkan pemahaman dan minat pelajar terhadap seni visual. Data dapat dikumpulkan melalui soal selidik, ujian pengetahuan, atau tinjauan untuk mengukur perubahan sikap dan pengetahuan pelajar sebelum dan selepas menggunakan aplikasi *TikTok*.

Seterusnya, analisis kandungan video yang dihasilkan oleh pelajar di *TikTok* dapat dilakukan untuk mengenal pasti corak dan trend penggunaan aplikasi tersebut dalam konteks apresiasi seni. Analisis ini memberikan pandangan tentang jenis kandungan yang paling popular, teknik yang digunakan, dan pengaruhnya terhadap pemahaman dan apresiasi seni.

Penilaian pengajaran juga dapat dilakukan untuk menilai kesan penggunaan aplikasi *TikTok* dalam pembelajaran apresiasi seni. Guru dapat mendokumentasikan pengalaman mereka dalam

mengintegrasikan aplikasi *TikTok* dalam pengajaran dan melakukan penilaian terhadap kesannya terhadap pemahaman dan minat pelajar terhadap seni visual.

Akhir sekali, kajian kes boleh dilaksanakan di beberapa buah sekolah atau institusi pendidikan yang menggunakan aplikasi *TikTok* sebagai inovasi dalam apresiasi seni dapat dilaksanakan. Kajian ini menganalisis pengalaman menggunakan aplikasi *TikTok*, cabaran yang dihadapi, faedah yang diperoleh, dan kesan terhadap pembelajaran dan pengajaran seni visual.

Kesimpulannya, melalui pelaksanaan kajian-kajian ini, pengkaji dapat memberikan sumbangan pemahaman yang baru tentang penggunaan aplikasi *TikTok* sebagai inovasi dalam pelaksanaan apresiasi seni dalam pendidikan seni visual. Selain itu, kajian ini memberi panduan praktikal kepada guru dalam memanfaatkan potensi aplikasi *TikTok* untuk meningkatkan pembelajaran pelajar dan apresiasi seni.

RUJUKAN

- Azwana, R. (2022). Penggunaan Aplikasi Tiktok Sebagai Satu Elemen Didik Hibur Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Tingkatan 3 Untuk Meningkatkan Minat Dan Prestasi Murid Bagi Tajuk Sistem Respirasi. *Muaddib, Jurnal Pendidikan*, 26–34.
- Bahtar, A. Z., & Muda, M. (2016). The Impact of User – Generated Content (UGC) on Product Reviews towards Online Purchasing – A Conceptual Framework. *Procedia Economics and Finance*, 37(16), 337–342. [https://doi.org/10.1016/s2212-5671\(16\)30134-4](https://doi.org/10.1016/s2212-5671(16)30134-4)
- Escamilla-Fajardo, P., Alguacil, M., & López-Carril, S. (2021). Incorporating TikTok in higher education: Pedagogical perspectives from a corporal expression sport sciences course. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education*, 28(February). <https://doi.org/10.1016/j.jhlste.2021.100302>
- Fatin Adriani, Z. (2021). *Penggunaan Media Sosial Sebagai Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di IPT*.
- Jamil, M. M., & Talib, N. (2022). *Tiktok Video as a Learning Tool in Computer Keyboarding Class*. 8(May 2020), 30–36.
- Jia Hao, T., Yu Xuan, S. T., & Yee Chien, K. (2022). The Impact of TikTok Toward the Daily Life of Young Adults in Kuala Lumpur, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(7), 1122–1129. <https://doi.org/10.6007/ijarbs/v12-i7/14128>
- Kirin, A. Bin, & Warman, A. B. (2023). Impak Penggunaan Aplikasi Tiktok Terhadap Gaya Hidup Pelajar UTHM Pagoh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002137. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2137>
- MISCO. (2023). *Social Media Usage Trends* (Issue March).
- Norsalawati, W. (2021). *APRESIASI SENI.pdf*. FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS.
- Othman Lebar. (2014). Penyelidikan kualitatif: pengenalan kepada teori dan metode. In *TA - TT -*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. <https://doi.org/LK> - <https://worldcat.org/title/959420219>
- Rosli, N. S., Mustapha, M. F., Madihah, M., Azmee, M., & Mohd, N. A. (2022). *Sentiment Analysis on TikTok Using RapidMiner*. 11(2), 360–372.
- Wright, W. T. (2021). Reality check: How adolescents use tiktok as a digital backchanneling medium to speak back against institutional discourses of school(ing). *Radical Teacher*, 119(119), 61–67. <https://doi.org/10.5195/rt.2021.777>
- Zaki, N. S. binti A., Poniran, N. A. binti, & Hussain, A. binti. (2021). *Tiktok sebagai medium pengajaran terkini* (pp. 1–2). <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/63785/1/63785.pdf>